



Yayasan Islam Kelantan

Pemangkin Kecemerlangan
Pendidikan Tahfiz



كلنتن سجهترا أونتوق إسلام
Kelantan Sejahtera untuk Islam





Sebuah terbitan

YAYASAN ISLAM KELANTAN

www.yik.edu.my

**YAYASAN ISLAM KELANTAN PEMANGKIN KECEMERLANGAN
PENDIDIKAN TAHFIZ**

© Yayasan Islam Kelantan

Cetakan Pertama : Oktober 2017

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenar mengeluarkan ulang mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk artikel, ilustrasi, dan foto dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun sama ada fotokopi, mekanik, rakaman, cetakan, elektronik atau cara-cara lain tanpa terlebih dahulu mendapat izin bertulis daripada Yayasan Islam Kelantan.

Diterbitkan oleh

YAYASAN ISLAM KELANTAN

Peti Surat 248, Nilam Puri,

15730 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-7126315, 7128144 Faks : 09-7127806

ISI KANDUNGAN

Kata Alu-aluan
Menteri Besar Negeri Kelantan **06**

Kata Alu-aluan
Pengerusi Jawatankuasa
Pembangunan Insan, Pendidikan dan Pengajian Tinggi,
Negeri Kelantan **09**

Kata Alu-aluan
Pengarah Yayasan Islam Kelantan **12**

BAB 1: PENUBUHAN MAAHAD TAHFIZ YIK **15**

1. *Muqaddimah* **16**

2. *Sejarah Penubuhan Maahad Tahfiz*
YIK **17**

3. *Matlamat Penubuhan Maahad*
Tahfiz YIK **20**

4. *Tujuan Penubuhan Maahad Tahfiz*
YIK **21**

5. *Visi Maahad Tahfiz YIK* **24**

6. *Misi Maahad Tahfiz YIK* **25**





7. <i>Moto Maahad Tahfiz YIK</i>	26
8. <i>Info Ringkas Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong</i>	27
9. <i>Info Ringkas Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Al-Asriah Banggol Chicha</i>	28
10. <i>Info Ringkas Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah</i>	29
11. <i>Info Ringkas Kolej Tahfiz Sains Nurul Aman Kok Lanas</i>	30
12. <i>Info Ringkas Maahad Tahfiz Sains Bustanul Arifin Tumpat</i>	31
13. <i>Info Ringkas Maahad Tahfiz Sains al-Muhammadi Bachok</i>	32
14. <i>Info Ringkas SMU (A) Tarbiah Diniah Tahfiz Tumpat</i>	33
15. <i>Info Ringkas SMU (A) Al-Kauthar Peringat (SABK)</i>	34

BAB 2: YIK MELAHIRKAN HUFFAZ YANG BERKUALITI DAN MAMPU MEMIMPIN **35**


1. <i>Jumlah Huffaz</i>	36
-------------------------	-----------

2. Jumlah Huffaz Mengikut Maahad Tahfiz YIK	37
3. Alumni Maahad Tahfiz	38
4. Pencapaian Kokurikulum	41
Tahfiz	41
Acara Sukan	46
Acara Ilmiah	48
5. Usrah Manhaj Qurani	49
6. Penglibatan Khidmat Masyarakat	50

BAB 3: USAHA PEMERKASAAN KURIKULUM DAN PENGURUSAN MAAHAD TAHFIZ

53

1. Majlis Graduasi Tahfiz; Pengiktirafan Kerajaan Negeri Kepada Para Huffaz	54
---	----





2. *Penerbitan Buku Teks (Tafsir Sains)* **62**


3. *Penerbitan Buku Manual
Pengurusan dan Sistem Pengajian
Maahad Tahfiz YIK (2016)* **63**

4. *Penerbitan Buku Sistem Tahfiz
Al-Quran (Manual Guru)
Maahad Tahfiz YIK* **65**

5. *Pelantikan Jawatan Penolong
Kanan Al-Quran* **67**

RUJUKAN

69





KATA ALU-ALUAN

Menteri Besar Negeri Kelantan,
Merangkap Pengerusi Lembaga
Yayasan Islam Kelantan



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف المرسلين
وعلى آله وصحبه أجمعين

Firman Allah SWT:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰءِ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ
وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya: Dan sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan. (Al-A'raf :96)




Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT dengan izin-Nya, Yayasan Islam Kelantan (YIK) dapat menerbitkan siri Buku Kelantan di Hati pada kali ini. Tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buku yang cukup bermakna ini.

Sesungguhnya Kerajaan Negeri telah menjadikan agenda pendidikan sebagai keutamaan bagi membangunkan sebuah masyarakat berilmu yang mampu membangunkan diri dan menggerakkan aktiviti harian selari dengan panduan yang telah diturunkan oleh Allah SWT.

Dalam menjulang semangat masyarakat berilmu ini, Kerajaan Negeri melalui YIK, terus melaksanakan tanggungjawab pendidikan berteraskan Pengajian Islam dan bahasa Arab peringkat menengah sejak awal mentadbir Negeri Kelantan lagi. Usaha ini adalah diharapkan dapat mengekalkan Kelantan sebagai negeri yang bertamadun tinggi dalam aspek pendidikan dan pentarbiahan.

Harapan saya agar siri buku yang mengandungi agenda dan aktiviti fizikal serta spritual YIK ini akan dapat melonjak perkembangan institusi pendidikan di Kelantan serta berupaya mengangkat martabat agama dan bangsa. Dalam dunia yang penuh dengan perlumbaan pada hari ini kita melihat betapa saluran-saluran untuk mendapatkan ilmu begitu terbentang luas. Melalui alat komunikasi moden dan alat-alat perhubungan yang canggih, capaian maklumat menjadi terlalu mudah. Justeru YIK juga perlu menggunakan medium-medium penyebaran maklumat ini untuk terus bersaing dalam arus perdana bagi mendekati setiap isu yang hangat diperkatakan.






Sekian, *Wassalam*.

**** ISLAM DIJULANG, RAJA DIJUNJUNG, RAKYAT DISANJUNG ****
**** MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN ****
**** KEBAJIKAN – KEBERKATAN - KEMAKMURAN ****

Dengan hormatnya,

USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB, S.J.M.K., D.J.M.K., (Kelantan)
(DATO' BENTARA KANAN)
Menteri Besar Kelantan





KATA ALU-ALUAN

*Pengerusi Jawatankuasa
Pembangunan Insan,
Pendidikan dan Pengajian Tinggi
Negeri Kelantan*



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Segala puji bagi Allah SWT yang merupakan Pentadbir bagi seluruh kerajaan di langit dan di bumi, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan para sahabat baginda serta seluruh penyambung risalah yang suci ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Yayasan Islam Kelantan yang telah berjaya menerbitkan siri Kelantan Di Hati yang memaparkan usaha-usaha dan pencapaian kerajaan negeri melalui agensi pendidikan agama dan bahasa Arab. Sesungguhnya pendidikan ini adalah merupakan penerus kepada dakwah dan risalah yang dibawa oleh junjungan besar nabi Muhammad s.a.w. Tanggungjawab ini disambung oleh warga pendidik yang mengasuh anak anak sehingga menjadi insan berilmu dan bertaqwa.






Pendidikan merupakan salah satu daripada aspek penting dalam kehidupan dan tamadun manusia. Pendidikan telah bermula apabila Allah mencipta Nabi Adam a.s untuk menjadi khalifah di bumi dan berkesinambungan sehingga hari ini. Di dalam al-Qur'an banyak ayat yang menyentuh dasar dan matlamat pendidikan. Antaranya firman Allah S.W.T tentang kedudukan orang yang berilmu:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ
 وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Maksudnya: Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. dan Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.
(Surah al-Mujadalah,58:11)

Ayat di atas menjelaskan bahawa matlamat pendidikan adalah untuk memperoleh darjat atau ketinggian sebagai khalifah Allah di bumi. Kurniaan Allah mengangkat akan darjat manusia adalah untuk meninggikan kedudukan manusia sebagai makhluk ciptaan Tuhan yang akan mentadbir alam.

Tujuan pendidikan al-Qur'an adalah membina pengetahuan atau kesedaran manusia atas dirinya, sistem kemasyarakatan Islam dan sikap serta rasa tanggungjawab sosial di samping memberi kesedaran terhadap alam sekitar dan ciptaan Allah serta mengembangkan ciptaanNya bagi kebaikan umat manusia. Tetapi yang penting ialah ma'rifah kepada Allah dan beribadah kepadaNya dengan cara mentaati segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya.






Dalam meyebarluaskan informasi pendidikan, buku ini merangkumi agenda, aktiviti dan pencapaian yang telah dicapai oleh Yayasan Islam Kelantan dari sudut pembangunan fizikal, pencapaian dalam bidang pentadbiran, pengurusan sekolah, pengurusan akademik dan kecemerlangan pelajar dalam peperiksaan dan aktiviti-aktiviti kokurikulum.

Kita mengharapkan terbitan buku ini akan menjadi rujukan segera dan capaian maklumat yang bermanfaat terutamanya dalam era kecanggihan media yang ada pada hari ini. Akhirnya marilah kita sama sama berdoa agar kita usaha yang sedikit ini mendapat ganjaran dan diangkat darjat kita di sisi Allah Yang Maha Esa.

Sekian, *Wassalam*.

**“ISLAM DIJULANG, RAJA DIJUNJUNG, RAKYAT DISANJUNG”
“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM-KELANTAN MENERAJUI
PERUBAHAN”
“KEBERKATAN KEMAKMURAN DAN KEBAJIKAN”**

YB DATO DR MOHAMED FADZLI BIN DATO HAJI HASSAN





KATA ALU-ALUAN

Pengarah Yayasan Islam Kelantan



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah dengan izin dan rahmat Allah siri Buku Kelantan Di Hati telah berjaya disiapkan dengan jayanya. Saya amat berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung menyumbang tenaga sehingga terhasilnya pendokumentasian ini.

Kelantan Di Hati bagi siri terbitan Yayasan Islam Kelantan adalah sebahagian daripada agenda teras yang menjadi nadi kepada kesinambungan pendidikan semenjak daripada dahulu lagi. Sejarah perkembangan pendidikan Islam di negeri Kelantan telah mendahului negeri-negeri lain dalam bentuk yang teratur dan tersusun.

Bermula dengan penubuhan "Madrasah Muhammadi Melayu (laki-laki)" pada tahun 1932 di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, kesedaran masyarakat tempatan bergerak seiring dengan pemerintah telah sama-sama menubuhkan sekolah-sekolah yang dimiliki sepenuhnya oleh masyarakat tempatan di seluruh negeri Kelantan. Sekolah-sekolah ini akhirnya diletakkan di bawah satu pengurusan dan penyelarasan bermula dari Jabatan Sekolah-sekolah Agama (JASA) sehinggalah penubuhan YIK pada tahun 1983.




Saya mengharapkan dengan penerbitan buku ini dapat memberi gambaran yang lebih menyeluruh berhubung Yayasan Islam Kelantan yang merangkumi Pengurusan dan Pentadbiran, Pengurusan Sekolah dan Akademik serta pencapaian-pencapaian yang telah dilakar oleh institusi ini serta kecemerlangan pelajar dalam bidang akademik dan kokurikulum.

Akhir kata, adalah diharapkan penerbitan siri 34 ini dapat memenuhi kehendak masyarakat dan orang ramai yang memerlukan penerangan serta maklumat untuk mendapat gambaran tentang peranan dan pencapaian Yayasan Islam Kelantan dalam pendidikan agama di negeri ini.

YM HJ TENGGU AB RAHMAN TUAN YUNUS

**PENGARAH
YAYASAN ISLAM KELANTAN**



'...Kerajaan Negeri Kelantan sangat mengutamakan pengajian dalam aliran Tahfiz al-Quran ini dan kita telah bangunkan institusi tahfiz ini sudah masuk tahun yang ke-24. Sehingga kini, Kerajaan Negeri boleh berbangga dengan ribuan para huffaz yang telah kita lahirkan..'


Petikan ucapan perasmian sempena Majlis Graduasi Tahfiz Yayasan Islam Kelantan Kali Ke-7 Tahun 2016.

**YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan
Haji Ahmad bin Yakob
Menteri Besar Kelantan**



BAB 1

Penubuhan Maahad Tahfiz Yayasan Islam Kelantan





1. MUQADDIMAH

Firman Allah Taala;

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

*Terjemahan; Sesungguhnya Kami yang menurunkan al-Quran dan Kami jua lah yang memeliharanya.
(al-Hijr : 9)*



Sistem Pengajian yang mengintegrasikan Hafazan Al-Quran, Bahasa Arab & Agama serta Akademik di maahad-maahad tahfiz di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan adalah suatu anjakan paradigma terhadap sistem pendidikan di negara kita.

Para huffaz yang dilahirkan dari rahim institusi tahfiz ini menjadi aset terpenting ke arah mensasarkan pembentukan generasi al-Quran.



2. SEJARAH PENUBUHAN MAAHAD TAHFIZ YIK



Yayasan Islam Kelantan telah memulakan sistem pendidikan tahfiz al-Quran 30 Juzu', pendidikan arab ugama dan akademik secara bersepadu bermula dengan penubuhan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat (MTAQ) pada tahun 1992 mengikut cadangan al-Marhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat mantan YAB

Menteri Besar Negeri Kelantan setelah mentadbir Kelantan pada tahun 1990.



MTAQ (pelajar lelaki sahaja) menggabungkan tiga kurikulum bersepadu iaitu Kurikulum Al-Quran dan Qiraat mengikut sukatan pelajaran Maahad Qiraat Al-Azhar Shoubra, Kurikulum Arab Ugama mengikut sukatan pelajaran Maahad Bu'uth Al-Azhar Mesir dan Kurikulum Akademik mengikut sukatan pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Saban tahun, usaha ini sangat mendapat sambutan masyarakat yang terbukti melalui jumlah permohonan pelajar baru yang melebihi bilangan pelajar yang ditawarkan.

Pada tahun **2004**, Negeri Kelantan sekali lagi memelopori sistem pendidikan integrasi tahfiz dengan penubuhan Maahad Tahfiz Sains yang pertama. Maahad Tahfiz Sains atau ringkasnya MTS adalah salah sebuah sekolah kawalan, di bawah pengurusan Yayasan Islam Kelantan telah diluluskan penubuhannya di dalam Mesyuarat Lembaga YIK Bil. 4/2003 bertarikh 10 Ramadhan 1424 bersamaan 5 November 2003.





MTS telah mula beroperasi pada 25 Januari 2004 yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru, Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, Menteri Besar Kelantan bertempat di Dewan Teratai, Kota Darulnaim. Idea penubuhan ini adalah hasil dari cetusan pemikiran beliau sendiri yang mengharapakan wujudnya kesepaduan ilmu wahyu dengan ilmu waqi'e dalam kurikulum.

Sehingga tahun 2016, Yayasan Islam Kelantan telah mempunyai 8 buah maahad tahfiz iaitu 2 buah maahad tahfiz aliran qiraat, 4 buah maahad tahfiz aliran sains dan 2 buah maahad tahfiz aliran ikhtisas iaitu:

1. Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat, Pulai Chondong
2. Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Asriah, Pasir Mas
3. Maahad Tahfiz Sains Bustanul Ariffin, Tumpat
4. Maahad Tahfiz Sains, Tanah Merah
5. Kolej Tahfiz Sains Nurul Aman, Kok Lanas
6. Maahad Tahfiz Sains Al-Muhammadi, Bachok
7. SMU (A) Tarbiah Diniyah Tahfiz, Bunut Sarang Burung
8. SMU (A) Al-Kauthar, Peringat (SABK)



3. MATLAMAT PENUBUHAN MAAHAD TAHFIZ YIK

Matlamat penubuhan Maahad Tahfiz adalah untuk merealisasikan Matlamat Pendidikan Yayasan Islam Kelantan dan selaras dengan Matlamat serta Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu untuk melahirkan insan yang baik dan sempurna yang mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

1. Beriman kepada Allah s.w.t dan rukun-rukun iman yang lain.
2. Berilmu pengetahuan.
3. Berakhlak mulia.
4. Beramal soleh.
5. Berbakti dan memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.
6. Memiliki keperibadian yang seimbang dan bersepadu.






4. TUJUAN PENUBUHAN MAAHAD TAHFIZ YIK

Tujuan Penubuhan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat

Objektif utama penubuhan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat adalah untuk menyediakan kemudahan mengkaji dan mempelajari Ulum Al-Quran dan Qiraat bagi melahirkan ulama yang mampu:

1. Memahami isi kandungan al-Quran dan menjadi rujukan masyarakat.
2. Memelihara isi kandungan al-Quran dan keaslian bacaannya dari sebarang penyelewengan.
3. Membaca al-Quran dengan pelbagai wajah bacaan Qiraat Tujuh Thoriq al-Syatibiyyah serta mahir ilmu-ilmu Tajwid.
4. Mempunyai ilmu pengetahuan, beramal soleh, bertaqwa kepada Allah s.w.t dan berakhlak mulia.
5. Mewarisi kepemimpinan negara dan memandu masyarakat ke arah Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafuur (Negara Makmur Yang Diredhai Allah).





Tujuan Penubuhan Maahad Tahfiz Sains

Tujuan utama penubuhan Maahad Tahfiz Sains adalah untuk:

1. Menyediakan peluang pengajian dalam aliran Tahfiz Al-Quran dan Sains.
2. Menggabungkan jalinan keupayaan pembelajaran dalam matapelajaran Agama, Tahfiz Al-Quran dan Akademik (Aliran Sains).
3. Melahirkan para ulama dan juga para saintis serta profesional yang menghafaz al-Quran dan menghayati isi kandungannya.
4. Menjana pelapis kepimpinan ummah yang mempunyai pelbagai ketrampilan dan pengetahuan bagi menghadapi saingan globalisasi.





Tujuan Penubuhan Maahad Tahfiz Ikhtisas

Tujuan utama penubuhan Maahad Tahfiz Ikhtisas adalah seperti berikut:

1. Memahami isi kandungan al-Quran dan menjadi rujukan masyarakat.
2. Memelihara isi kandungan al-Quran dan keaslian bacaannya dari sebarang penyelewengan.
3. Mempunyai ilmu pengetahuan, beramal soleh, bertaqwa kepada Allah s.w.t dan berakhlak mulia.
4. Menyediakan peluang pengajian dalam aliran Tahfiz Al-Quran dan Ikhtisas.
5. Menjana pelapis kepimpinan ummah yang mempunyai pelbagai ketrampilan dan pengetahuan bagi menghadapi saingan globalisasi.





5. VISI MAAHAD TAHFIZ YIK

MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT

Melahirkan Qurra' yang berketerampilan unggul.



MAAHAD TAHFIZ SAINS

Melahirkan para huffaz yang berketerampilan dalam semua bidang.



6. MISI MAAHAD TAHFIZ YIK

MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT

Melahirkan huffaz yang mahir ilmu-ilmu al-Quran, beramal, bertaqwa serta dapat merealisasikan dalam masyarakat.

MAAHAD TAHFIZ SAINS

Mewujudkan zon pembelajaran yang kondusif bagi melahirkan para huffaz yang mampu menghayati isi kandungan al-Quran, menguasai ilmu waq'ie dan syar'ei serta memiliki sahsiah terpuji di samping mempunyai kecerdasan mental dan fizikal.





7. MOTO MAAHAD TAHFIZ YIK

**MAAHAD TAHFIZ
AL-QURAN WAL QIRAAT**

'Hafazan Al-Quran
Menjana
Kegemilangan'



MAAHAD TAHFIZ SAINS

'Membina Generasi
Al-Quran'



8. INFO RINGKAS MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT PULAI CHONDONG

Alamat : Maahad Tahfiz Al-Quran
Wal Qiraat, Pulai Chondong,
Kampung Pauh Lima, 16600
Pulai Chondong, Kelantan.



No. Telefon : 09-787 8916

No. Faks : 09-787 1916

Emel : mtaqwq@yahoo.com

Laman web : mtaqpc.edu.my

Laman facebook : <https://facebook.com/mtaqpc/>

Jumlah Pelajar 2016 : 374 orang pelajar

Kemudahan : Bangunan Akademik, Kelas, Masjid
Keputeraan, Surau, Dewan, Asrama, Kantin Sekolah,
Kantin Asrama, Padang Permainan Gelanggang
badminton & Bola Tampar.

9. INFO RINGKAS

MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT AL-ASRIAH BANGGOL CHICHA

Alamat : Maahad Tahfiz Al-Quran
Al-Asriah, Banggol Chicha 17000
Pasir Mas, Kelantan.

No. Telefon : 09-792 2560

No. Faks : 09-792 2560

Emel : maahadmtaqa@yik.edu.my

Laman web : mtaqasriah.wordpress.com

Laman facebook : [https://facebook.com/
MTAQAsriah/](https://facebook.com/MTAQAsriah/)

Jumlah Pelajar 2016 : 213 orang pelajar

Kemudahan : Bangunan Akademik, Bangunan
Pentadbiran, Kelas, Surau, Dewan, Asrama, Kantin
Sekolah, Kantin Asrama, Padang Permainan
Gelanggang Sepak Takraw & Bola Tampar serta
Rumah Warden.





10. INFO RINGKAS MAAHAD TAHFIZ SAINS TANAH MERAH

Alamat : Maahad Tahfiz Sains
Tanah Merah, Bendang Baru,
17500 Tanah Merah, Kelantan.

No. Telefon : 011-10037494

No. Faks : 09-950 2970


Emel : mts_yik@yahoo.com

Laman web : mtstm.edu.my

Laman facebook : <https://facebook.com/maahadtahfizensainstanahmerah>

Jumlah Pelajar 2016 : 625 orang pelajar

Kemudahan : Bangunan Akademik, Kelas, Masjid, Makmal Sains, Bengkel KHB, Dewan, Asrama, Kantin Sekolah, Kantin Asrama & Padang.





11. INFO RINGKAS KOLEJ TAHFIZ SAINS NURUL AMAN KOK LANAS

Alamat : Kolej Tahfiz Sains Nurul Aman, Kampung Kok Lanas, 16450 Kota Bharu, Kelantan.

No. Telefon : 09-788 0701

No. Faks : 09- 788 0702

Emel : ktsna@yik.edu.my

Laman web : <http://mtsnurulaman.blogspot.my/>

Laman facebook : <https://facebook.com/ktsnayik>

Jumlah Pelajar 2016 : 451 orang pelajar

Kemudahan : Bangunan Akademik, Kelas, Surau, Dewan, Asrama, Kantin Sekolah, Kantin Asrama, Padang Permainan, Gelanggang Sepak Takraw & Bola Tampar.





12. INFO RINGKAS MAAHAD TAHFIZ SAINS BUSTANUL ARIFIN TUMPAT

Alamat : Maahad Tahfiz Sains
Bustanul Arifin, Kampung
Berangan, 16200 Tumpat,
Kelantan.

No. Telefon : 09- 796 0130

No. Faks : 09- 796 0136

Emel : mtstumpat@yik.edu.my

Laman web : www.mtstumpat.net

Laman facebook : [https://facebook.com/
mtsbatumpat](https://facebook.com/mtsbatumpat)

Jumlah Pelajar 2016 : 214 orang pelajar

Kemudahan : Bangunan Akademik, Kelas, Surau,
Makmal Sains, Bengkel KHB, Dewan, Asrama, Kantin
Sekolah, Kantin Asrama & Padang.



13. INFO RINGKAS

MAAHAD TAHFIZ SAINS AL-MUHAMMADI BACHOK

Alamat : Maahad Tahfiz Sains Al-Muhammadi, Kampung Nipah, 16300 Bachok, Kelantan.

No. Telefon : 09-778 7251

No. Faks : 09-778 7252

Emel : mty2011@gmail.com

Laman web : mtsmnipah.edu.my

Laman facebook : <https://facebook.com/MTS-al-Muhammadi-Maahad-Tahfiz-Sains-al-Muhammadi>

Jumlah Pelajar 2016 : 175 orang pelajar

Kemudahan : Bangunan Akademik, Kelas, Surau, Dewan, Asrama, Kantin Sekolah, Kantin Asrama, Padang Permainan, Gelanggang Sepak Takraw & Bola Tampar.





14. INFO RINGKAS SMU (A) TARBIAH DINIAH TAHFIZ TUMPAT

Alamat : SMU (A) Tarbiah Diniyah Tahfiz, Kampung Bunut Sarang Burung, 16200 Tumpat, Kelantan.

No. Telefon : 09-796 0141

No. Faks : 09-719 1719

Emel : tarbiahdiniahsb1962@yahoo.com
tarbiahdiniahsb1962@gmail.com

Laman web : www.tarbiahdiniahsb.blogspot.com

Laman facebook : <https://facebook.com/tarbiahdiniahsb>

Jumlah Pelajar 2016 : 306 orang pelajar

Kemudahan : Bangunan Akademik, Bangunan Pentadbiran, Kelas, Masjid, Bengkel KHB, Dewan Terbuka, Asrama, Dewan Makan, & Padang Permainan.





15. INFO RINGKAS SMU (A) AL-KAUTHAR PERINGAT (SABK)

Alamat : SMU (A) Al-Kauthar,
Kampung Peringat, 16400 Melor,
Kelantan.

No. Telefon : 09-712 3170

No. Faks : 09-712 3172

Emel : dft1003sabk@gmail.com

Laman web : smuaalkauthar.blogspot.my

Laman facebook : [https://facebook.com/
alkautharperingat](https://facebook.com/alkautharperingat)


Jumlah Pelajar 2016 : 170 orang pelajar

Kemudahan : Bangunan Akademik, Kelas, Surau,
Bengkel KHB, Dewan, Asrama, Kantin, & Padang
Permainan.



BAB 2


Yayasan Islam Kelantan Melahirkan Huffaz Yang Berkualiti Dan Mampu Memimpin





1. JUMLAH HUFFAZ


Jumlah huffaz yang berjaya dilahirkan oleh Maahad Tahfiz Yayasan Islam Kelantan dari tahun 1992 hingga tahun 2016 (24 tahun) ialah seramai:





2. JUMLAH HUFFAZ MENGIKUT MAAHAD TAHFIZ (1992-2016)

Bil.	Nama Sekolah	Jumlah Huffaz
1	MTAQ PULAI CHONDONG	1,045
2	MTAQ AL-ASRIAH	208
3	MTS TANAH MERAH	1,081
4	KTS NURUL AMAN	530
5	MTS BUSTANUL ARIFIN	193
6	MTS AL-MUHAMMADI	101
7	SMU (A) TARBIAH DINIAH TAHFIZ	21
8	SMUA (A) AL-KAUTHAR	13
JUMLAH HUFFAZ KESELURUHAN		3,192





3. ALUMNI MAAHAD TAHFIZ (SUMBANGAN KEPADA MASYARAKAT, NEGERI, NEGARA & UMMAH)

1. Imam Masjid
2. Ahli Lajnah Tashih Al-Quran, Kementerian Dalam Negeri
3. Guru/Pendidik
4. Penolong Kanan Sekolah
5. Pensyarah
6. Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris
7. Peguam
8. Pensyarah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
9. Usahawan (Percetakan)
10. Pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri
11. Ketua Unit Khidmat Anggota, Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad
12. Pengarah Unit Belia dan Sukan, Kerajaan Negeri Kelantan
13. Pegawai Syariah Bank
14. Pegawai Teknologi Maklumat, Yayasan Islam Kelantan





15. Pegawai Undang-undang, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Bahagian Dagang)
16. Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pasca Perkhidmatan)
17. Pegawai Khas Menteri Dalam Negeri, Kementerian Dalam Negeri
18. Pegawai Bank, Bank Muamalat
19. Pengurus Syariah, HSBC Amanah Takaful Malaysia Berhad
20. Penganalisis Pelaburan, Perbadanan Nasional Berhad
21. Pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
22. Penolong Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur
23. Penolong Pegawai Perubatan Hospital
24. Pegawai Undang-undang, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia
25. Pegawai Akaun
26. Jurutera Perisian
27. Jurutera Kapal Terbang AirAsia Airlines
28. Pegawai Khas Timbalan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri
29. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi



30. Pensyarah Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
31. Jurutera
32. Pensyarah Pakar Aviation Electronics (AVIONICS)
33. Penolong Pengarah Dasar dan Perundangan, Pejabat Menteri Besar Kelantan
34. Senior Executive Accountant Sime Darby
35. Penganalisis PETRONAS
36. Arkitek
37. Doktor Perubatan Hospital





4. PENCAPAIAN KOKURIKULUM

TAHFIZ

Alhamdulillah, melalui pelaksanaan sistem tahfiz al-Quran yang tersusun dan target hafazan yang telah dibuat, beberapa kejayaan dalam bidang tahfiz al-Quran dapat dicapai.

Antaranya ialah kejayaan para pelajar **Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Condong** dalam Musabaqah Tahfiz Al-Quran anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ;

Nama Pelajar	Pencapaian	Tahun
Nik Saiful Azizi b. Nik Abdullah	Johan Hafazan Tahap 5 Juzuk Peringkat Negeri Kelantan	1998
Wan Ismail b. Abdul Halim	Johan Hafazan Tahap 30 Juzuk Peringkat Negeri Kelantan	2002
	Mewakili Malaysia ke Pertandingan Hafazan Peringkat Antarabangsa di Arab Saudi	2002
Mohd Rasyidi b. Ali	Johan Hafazan Tahap 15 Juzuk Peringkat Negeri Kelantan	2004
Mohd Abdul Fattah b. Razali	Johan Hafazan Tahap 15 Juzuk Peringkat Negeri Kelantan	2006

Nama Pelajar	Pencapaian	Tahun
Mohd Khairul Nazrin b. Mohd Nasir	Johan Hafazan Tahap 30 Juzuk Peringkat Negeri Kelantan	2007
	Mewakili Malaysia ke Pertandingan Hafazan Peringkat Antarabangsa di Mesir	2007
Said Hawwa b. Alias	Johan Hafazan Tahap 30 Juzuk Peringkat Negeri Kelantan	2008
	Naib Johan Pertandingan Hafazan Peringkat Antarabangsa Tahap 20 Juzuk di Indonesia anjuran Kerajaan Arab Saudi	2008
Hariz Syazwan b. Mohd Ariffin	Johan Hafazan Tahap 15 Juzuk Peringkat Negeri Kelantan	2008
	Johan Pertandingan Hafazan Tahap 15 Juzuk di Indonesia anjuran Kerajaan Arab Saudi	2008
	Johan Hafazan Tahap 30 Juzuk Peringkat Negeri Kelantan	2010
	Naib Johan Hafazan Tahap 30 Juzuk Peringkat Kebangsaan	2010
	Mewakili Malaysia ke Pertandingan Hafazan Peringkat Antarabangsa di Libya	2010
Johan Hafazan Tahap 30 Juzuk Peringkat Negeri Kelantan dan Kebangsaan	2011	



Nama Pelajar	Pencapaian	Tahun
	Mewakili Malaysia ke Pertandingan Hafazan Peringkat Antarabangsa di UAE dan mendapat tempat ke 9.	2011
Mohd Iqram b. Niyaz Ahmad	Johan Hafazan Tahap 20 Juzuk Peringkat Negeri Kelantan	2010
	Johan Hafazan Tahap 20 Juzuk Peringkat Kebangsaan	2010
	Tempat Kelima Pertandingan Hafazan Peringkat Antarabangsa di Mesir	2010
Mohd Syafee Solihin b. Hasan	Johan Hafazan Tahap 20 Juzuk Peringkat Negeri Kelantan	2014
	Naib Johan Hafazan Tahap 20 Juzuk Peringkat Kebangsaan	2014
Nukman Zaki b. Mohd Zaki	Johan Hafazan Tahap 20 Juzuk Peringkat Negeri Kelantan	2013
	Johan Hafazan Tahap 20 Juzuk Peringkat Kebangsaan	2013
	Tempat Kelima Pertandingan Hafazan Peringkat Antarabangsa di Jordan	2014
Mohd Hasif Rasyad b. Mohd Fauzi	Tempat Ketiga Hafazan Tahap 30 Juzuk Peringkat Negeri Kelantan	2013
Mohd Fadhli b Nasir	Naib Johan Tahap 5 Juzuk Musabaqah Hafazan Seluruh Tahfiz Malaysia Anjuran Kedutaan Arab Saudi	2013
Mohd Hilmi b Hussin Shukri	Naib Johan Tahap 10 Juzuk Musabaqah Hafazan Seluruh Tahfiz Malaysia Anjuran Kedutaan Arab Saudi	2013

Nama Pelajar	Pencapaian	Tahun
Muhammad Thaqif b. Fajuri	Kelima Musabaqah Tilawah Al-Quran (Belia) Peringkat Antarabangsa di Turki	2014
	Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran (Belia) Peringkat Kebangsaan Anjuran JAKIM	2014
	Ketiga Tahap 5 Juzuk Musabaqah Hafazan Seluruh Tahfiz Malaysia Anjuran Kedutaan Arab Saudi	2014
	Ketiga Tahap 10 Juzuk Musabaqah Hafazan Peringkat Negeri Kelantan	2014
Muhammad Waquiuddin b. Azmi	Naib Johan Tahap 20 Juzuk Musabaqah Hafazan Peringkat Negeri Kelantan	2014
Amirul Asyraf b. Rusydan	Ketiga Tahap 30 Juzuk Musabaqah Hafazan Peringkat Negeri Kelantan	2015
	Johan Tahap 30 Juzuk Musabaqah Hafazan Peringkat Negeri Kelantan	2016
Wan Muhammad Rafiq b. Wan Roslan	Mewakili sekolah Tahap 20 Juzuk Musabaqah Hafazan Seluruh Tahfiz Malaysia Anjuran Kedutaan Arab Saudi	2014
	Johan Tahap 20 Juzuk Musabaqah Hafazan Peringkat Sekolah-sekolah Agama Malaysia Anjuran JAKIM	2014
	Johan Tahap 20 Juzuk Musabaqah Hafazan Peringkat Negeri Kelantan	2015



Nama Pelajar	Pencapaian	Tahun
	Johan Tahap 20 Juzuk Musabaqah Hafazan Peringkat Negeri Kelantan	2015
	Kelima Tahap 20 Juzuk Musabaqah Hafazan Peringkat Antarabangsa di Mesir	2015
Muhd Luqman b. Ab Rauf	Kedua Tahap 10 Juzuk Musabaqah Hafazan Peringkat Negeri Kelantan	2016

Kejayaan para pelajar **Maahad Tahfiz Sains** dalam Musabaqah Tahfiz Al-Quran anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ;

- Tahun 2009 dan 2012, johan Peringkat Negeri Kelantan Kategori 30 juzuk (L).
- Tahun 2009, mewakili Malaysia ke Musabaqah Tahfiz Peringkat Antarabangsa kategori 20 juzuk (L).
- Tahun 2012, mewakili Malaysia ke Musabaqah Tahfiz Peringkat Antarabangsa kategori 30 juzuk (L).
- Tahun 2011 dan 2012, tempat ketiga peringkat Negeri Kelantan kategori 30 juzuk (P).

e. Tahun 2009, naib johan peringkat Negeri Kelantan kategori 15 juzuk (L).

f. Tahun 2009, tempat ketiga peringkat Negeri Kelantan kategori 15 juzuk (P).

Selain itu juga beberapa pelajar Maahad Tahfiz YIK telah berjaya lulus dalam peperiksaan syafawi dan tahriri dan memperoleh **Sijil Tahfiz Malaysia** yang dikelolakan oleh Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

ACARA SUKAN

Bil.	Permainan		Peringkat			
			Kumpulan	Zon 6	Negeri	Kebangsaan (KESSUMA)
1	Bola Sepak	L	Johan	Johan	Naib Johan	Johan
2	Bola Jarring	P	Johan	Johan	Johan	Johan
3	Badminton	L	Johan	Johan	Johan	Johan
		P	Johan	Johan	Ketiga	Naib Johan



Bil.	Permainan		Peringkat			
			Kumpulan	Zon 6	Negeri	Kebangsaan (KESSUMA)
4	Ping Pong	L	Johan	Naib Johan	-	Naib Johan
		P	Johan	Johan	-	Naib Johan
5	Bola Tampar	L	Johan	Johan	Johan	Saguhati
		P	Johan	Johan	Keempat	-
6	Sepak Takraw	L	Johan	Ketiga	-	-
7	Taekwando	P	-	-	Johan	Naib Johan
8	Solat	L	-	-	Johan	-





ACARA ILMIAH

Bil.	Acara	Kategori	Peringkat	
			Zon 6	Negeri
1	Tilawah al-Quran (Bawah 18 Tahun)	L	Naib Johan	-
2	Syarahan Bahasa Arab	L	Johan	Saguhati
		P	Johan	-
3	Syarahan Bahasa Melayu	L	Naib Johan	-
		P	Johan	Saguhati
4	Syarahan Bahasa Inggeris	L	Naib Johan	-
		P	Johan	Johan
5	Nasyid	P	Saguhati	-
6	ICT & Multimedia (Projek Animasi)	L	Johan	Naib Johan
7	Kawad Kaki	L	Johan	Saguhati
		P	Johan	Johan
8	Khutbah	L	Johan	Johan



5. USRAH MANHAJ QURANI

Selain itu juga, usaha melahirkan pelajar yang berjiwa daei diasaskan melalui pelaksanaan usrah yang sistematik serta diwajibkan kepada pelajar secara mingguan. Manhaj usrah telah dibina khusus oleh pihak YIK yang disusun mengikut tingkatan iaitu dari tingkatan satu hingga tingkatan enam.

Buku tersebut yang dinamakan **Manhaj Qurani** dimiliki dan digunapakai oleh setiap pelajar setiap kali mereka berusrah. Aktiviti ini secara tidak langsung melatih berfikir, bercakap dan berani mengeluarkan pendapat atau hujah.

Buku tersebut merujuk kepada 3 buah buku yang utama iaitu Kitab Hadith 40 karya Imam Nawawi, Kitab Sirah Nabawiyyah; Durusun Wa Ibar karya Syeikh Mustapha Al-Sibaei dan Kitab Apa Ertinya Saya Menganut Islam karya Dr. Fathi Yakan.



6. PENGLIBATAN KHIDMAT MASYARAKAT

Pelbagai pendekatan dan aktiviti telah dibuat untuk membina hubungan dua hala antara sekolah dan agensi kerajaan, pihak swasta, komuniti dan masyarakat setempat untuk menyemai semangat berkhidmat, bekerjasama dan saling membantu antara sama lain. Dalam masa yang sama juga dapat melatih para pelajar berkomunikasi dan menggalakkan mereka berbakti kepada masyarakat melalui lapangan dalwam yang direncanakan.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan ialah ;


Bil.	Aktiviti	Butiran
1	Menjadi Imam Terawih di Masjid-masjid Peringkat Jajahan.	<ul style="list-style-type: none"> • Program Kerjasama antara Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan(JAHEAIK). • Program tahunan.
2	Program Qiam With ME (Program di Istana Negeri bersama Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke V).	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Agama Islam Negeri Kelantan (MAIK). • Program tahunan.



Bil.	Aktiviti	Butiran
3	Jemputan Bacaan Relay Al-Quran di Qaryah/Madinah Ramadhan, Perkarangan Stadium Sultan Muhammad Ke-IV.	<ul style="list-style-type: none">• Program Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB).• Program tahunan.
4	Program Bakti Huffaz (Khidmat Masyarakat).	<ul style="list-style-type: none">• Diadakan secara berkala.• Program adalah berpusat di masjid dengan pelbagai aktiviti dan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat setempat.
5	Khidmat Solat Hajat, Solat Jenazah dan lain-lain.	<ul style="list-style-type: none">• Bergantung kepada jemputan masyarakat setempat.
6	Khidmat Pentazkirah, Kelas Tahsin Qiraah dan Penceramah (Guru).	<ul style="list-style-type: none">• Kerjasama dengan agensi kerajaan, AJK masjid dan komuniti setempat.
7	Khidmat Fasilitator (Pelajar).	<ul style="list-style-type: none">• Para pelajar menerima jemputan sebagai fasilitator program yang dianjurkan oleh pihak luar.




Bil.	Aktiviti	Butiran
8	Penganjuran ceramah perdana, forum perdana, konsert amal Islami, Hari Terbuka Maahad Tahfiz dan sukan rakyat.	<ul style="list-style-type: none">• Program diadakan di Maahad Tahfiz dan terbuka kepada masyarakat setempat.• Menjemput tokoh-tokoh terkenal sebagai panel atau penceramah serta kumpulan nasyid terkenal tanahair.• Menjemput pimpinan masyarakat dan orang kampung sebagai jawatankuasa bersama.• Diadakan secara berkala.



BAB 3

Usaha Pemeriksaan Kurikulum & Pengurusan Maahad Tahfiz



1. MAJLIS GRADUASI TAHFIZ : PENGIKTIRAFAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN KEPADA PARA HUFFAZ

Yayasan Islam Kelantan telah mengadakan majlis Graduasi Berpusat kepada semua maahad Tahfiz YIK sejak tahun 2010 iaitu pada 27 Disember 2010 – Graduasi Kali Pertama.

Ianya akan diteruskan bagi menghargai lulusan pelajar maahad – maahad tahfiz yang telah khatam al-Quran dengan jayanya dan ianya In Sya Allah akan menjadi agenda tahunan Yayasan Islam Kelantan yang bertujuan untuk ;

1. Memberi pengiktirafan kepada para pelajar yang khatam al- Quran.
2. Mengeluarkan hanya satu sijil tahfiz sahaja iaitu dari Yayasan Islam Kelantan.
3. Memberi penghormatan kepada para hafiz dan hafizah dalam satu majlis penyampaian sijil yang meriah.





Perasmian dan Penyampaian Sijil Khatam Hafazan disampaikan sendiri oleh **YAB Dato' Bentara Kanan, Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan.**



Penyampaian Anugerah dan Sijil Graduasi Tahfiz kepada pelajar

SEBAHAGIAN GRADUAN HUFFAZ TAHUN 2016



Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong



Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Al-Asriah Banggol Chicha



Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah



Kolej Tahfiz Sains Nurul Aman Kok Lanas



Maahad Tahfiz Sains Bustanul Arifin Tumpat




Maahad Tahfiz Sains Al-Muhammadi Bachok



SMU (A) Tarbiyah Diniyah Tahfiz Tumpat



SMU (A) Al-Kauthar, Peringat (SABK)





PENYAMPAIAN ANUGERAH TOKOH TAHFIZ 2016



Penyampaian Anugerah Tokoh Tahfiz (Lelaki) 2016




Penyampaian Anugerah Tokoh Tahfiz (Perempuan) 2016




SUASANA MAJLIS GRADUASI TAHFIZ YIK 2016







2. PENERBITAN BUKU TEKS (TAFSIR SAINS)





3. PENERBITAN BUKU MANUAL PENGURUSAN DAN SISTEM PENGAJIAN MAAHAD TAHFIZ YIK (2016)



- Selaras dengan Pelan Strategik YIK 2016-2020.
- Mengemaskini dan melaksanakan Buku Manual Pengurusan dan Sistem Pengajian Maahad Tahfiz Yayasan Islam Kelantan.




Pelancaran Buku Pelan Strategik Yayasan Islam Kelantan bagi tahun 2016-2020 serta Buku Manual Pengurusan dan Sistem Pengajian Maahad Tahfiz Yayasan Islam Kelantan oleh YAB Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan.



4. PENERBITAN BUKU SISTEM TAHFIZ AL-QURAN (MANUAL GURU) MAAHAD TAHFIZ YIK 2017



*Buku Sistem Tahfiz Al-Quran
(Manual Guru)*



Gimik Perasmian Buku Sistem Tahfiz Al-Quran (Manual Guru) disempurnakan oleh YM Pengarah Yayasan Islam Kelantan pada 26 Julai 2017 sempena Seminar PdP Tahfiz Berkesan Tahun 2017.






5. PELANTIKAN JAWATAN PENOLONG KANAN AL-QURAN MAAHAD TAHFIZ YIK

Yayasan Islam Kelantan telah melantik Penolong Kanan Al-Quran di Maahad-Maahad Tahfiz Al-Quran Yayasan Islam Kelantan;

- Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong.
- Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Al-Asriah Banggol Chicha.
- Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah.
- Kolej Tahfiz Sains Nurul Aman Kok Lanas.
- Maahad Tahfiz Sains Bustanul Arifin Tumpat.
- Maahad Tahfiz Sains al-Muhammadi Bachok.






*Majlis Penyerahan Surat Lantikan
kepada PKQ disampaikan oleh
YBrs. Penolong Pengarah (Perkhidmatan Guru) YIK*

Rujukan



- **Pelan Strategik YIK 2016-2020**, 2016, Yayasan Islam Kelantan, Kota Bharu Kelantan.
- **Manual Pengurusan dan Sistem Pengajian Maahad Tahfiz Yayasan Islam Kelantan**, 2016, Yayasan Islam Kelantan, Kota Bharu Kelantan.
- **Sistem Tahfiz Al-Quran (Manual Guru) Maahad Tahfiz Yayasan Islam Kelantan**, 2017, Yayasan Islam Kelantan, Kota Bharu Kelantan.







Yayasan Islam Kelantan

Peti Surat 248, 15730 Kota Bharu, Kelantan



09-7126315 / 09-7126933 / 09-7128144
09-7126040 (Lembaga Peperiksaan)



09-7127806



yik@kelantan.gov.my



www.yik.edu.my

Dicetak oleh

A&D PRINTING AND STATIONERY CO. SDN. BHD.

4469-A, Jalan Abdul Kadir Adabi, 15200 Kota Bharu, Kelantan

Tel: 09-748 5227, 748 5737 | Faks: 09-744 0601

Email: adprinting78@gmail.com / adprinting@hotmail.com

